



“OKU Muqarrabun Pemangkin
Kesejahteraan dan Keberkatan Ummah”

داسر اورغ كورغ اوقاي مقربون

DASAR ORANG KURANG UPAYA MUQARRABUN KELANTAN

(Golongan yang ketiga pula) ialah orang yang paling dahulu (dalam mengerjakan kebaikan di dunia), merekalah orang-orang yang akan mendahului (mendapat sebaik-baik balasan di akhirat kelak); Mereka itulah orang yang dekat (kepada Allah)”

*Surah Al-Waq'iah Ayat 10-11 (*Tafsir Pimpinan al-Rahman)*



DASAR ORANG KURANG UPAYA MUQARRABUN KELANTAN

**URUS SETIA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Cetakan Pertama: Jun 2023

Hakcipta Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

©Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan oleh

**URUS SETIA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA & WANITA
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
ARAS 2, BLOK 2, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN**

Emel: ukekwa@gmail.com

Web : <https://ukekwa.kelantan.gov.my/>

FB | IG | TWITTER | TIKTOK :

**Urus Setia Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa)
Tel: 09-7481957 / 013-9846916 Faks: 09-74444957**



AMANAT
YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN
MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

عَبَسَ وَتَوَلَّى ﴿١﴾ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ﴿٢﴾ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكِّي ﴿٣﴾ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ
الذِّكْرَى ﴿٤﴾ أَمَّا مَنْ اسْتَعْزَى ﴿٥﴾ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ﴿٦﴾ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَكِّي ﴿٧﴾ وَأَمَّا
مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخْشَى ﴿٩﴾ فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ﴿١٠﴾ كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ﴿١١﴾
فَمَنْ شَاءَ ذَكَرْهُ ﴿١٢﴾ فِي صُحُفٍ مُكَرَّمَةٍ ﴿١٣﴾

Maksudnya : “Dia (Muhammad) memasamkan muka dan berpaling. Kerana seorang buta telah datang kepadanya. Dan tahukah kamu (tujuannya wahai Muhammad)? Barangkali dia ingin menyucikan hatinya (dengan pelajaran agama yang dipelajari darimu). Atau dia mahu mendapatkan peringatan yang memberikan manfaat kepadanya. Adapun orang yang berasa dirinya serba cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran al-Quran). Maka kamu (wahai Muhammad) bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal kamu tidak bersalah jika dia tidak menyucikan diri (daripada keingkarannya). Dan adapun orang yang bersegera datang kepadamu. Dengan perasaan takut (melanggar perintah Allah). Maka kamu berlengah-lengah melayaninya. Jangan sekali-kali melakukan sedemikian! Sesungguhnya ajaran Allah itu suatu peringatan. Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, maka dia mengambil peringatan daripadanya. (Ayat-ayat suci itu tersimpan) di dalam naskhah-naskhah yang dimuliakan”.

(Surah ‘Abasa 80:1 –13)

Segala puji bagi Allah SWT, yang menciptakan manusia dalam pelbagai bentuk dan rupa, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat baginda serta seluruh penyambung risalah yang suci ini.

Dalam petikan al-Quran pada permulaan bicara tadi menggambarkan ketegasan Islam dalam menjaga hak, kesejahteraan dan kebajikan OKU. Allah SWT memberi teguran kepada Nabi Muhammad SAW kerana memasam dan memalingkan muka daripada seorang sahabat OKU bernama Abdullah bin

Ummu Maktum, yang ingin bertanya urusan agama ketika Nabi Muhammad SAW sedang sibuk melayan pembesar-pembesar Quraisy.

Teguran halus Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW atas ijtihad baginda mengutamakan dakwah kepada pembesar Quraisy ini menandakan bahawa, Allah SWT ingin menegaskan kekuatan Islam pada taqwa seseorang seperti Ibnu Ummi Maktum, walaupun buta dan dipandang hina, bukannya pada mereka yang zahirnya gagah dan berpengaruh namun “kosong” di sisi Tuhannya. Peristiwa ini menjelaskan bahawa Islam memulia dan memberi penghormatan kepada golongan OKU dan mengiktiraf kedudukannya dalam masyarakat.

Mengambil ibrah daripada teguran ini, Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Dasar Membangun Bersama Islam akan terus memberi penekanan terhadap aspek kebajikan dan kesejahteraan golongan OKU. Justeru, usaha-usaha berterusan telah dilaksanakan bagi menjaga dan memelihara kebajikan dan pembangunan golongan sasar berteraskan Gagasan OKU Muqarrabun dalam merencana dan melaksanakan pembangunan OKU Kelantan. Dasar OKU Muqarrabun ini merupakan kesinambungan dan pelengkap kepada Gagasan OKU Muqarrabun yang sudah lama berperanan membangunkan golongan OKU di negeri Kelantan.

Dasar OKU Muqarrabun Kelantan yang dibangunkan ini akan menjadi teras serta sumber rujukan dalam setiap program yang akan dirancang dan dilaksanakan dan memberi impak yang besar dalam menjayakan agenda Rakyat Membangun Bersama Islam.


Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menggubal dan menyusun penerbitan buku ini. Semoga ianya menjadi amal jariah untuk kita di akhirat kelak.

Semoga Allah SWT memelihara kerajaan ini untuk terus membawa negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang “Baladun Thoyyibatun Warabbun Ghafur”. Teruskanlah usaha ini sehingga Allah SWT mengurniakan keberkatan, kerahmatan dan kemenangan yang besar suatu hari nanti.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFKAT, NEGERI BERKAT
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KELANTAN MENERAJUI
PERUBAHAN #
KEBERKATAN – KEMAKMURAN - KEBAJIKAN

Dengan hormatnya,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Ahmad Bin Yakob', written over a horizontal line.

DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
S.J.M.K., D.J.M.K., (Kelantan)
Menteri Besar Kelantan



**KATA-KATA ALUAN
PENGURUS JAWATANKUASA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ ۝ أُولَٰئِكَ الْمُقَرَّبُونَ ۝

Maksudnya : Dan (golongan yang ketiga pula ialah) orang-orang yang telah mendahului (dalam mengerjakan kebaikan di dunia), merekalah orang-orang yang akan mendahului (mendapat sebaik-baik balasan di akhirat kelak); Mereka itulah orang-orang yang didampirkan (di sisi Allah).

(Surah al-Waqi'ah 56: 10-11)

Segala puji bagi Allah SWT, pentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembela orang kurang upaya, yang senantiasa menyantuni dan memartabatkan kedudukan mereka - serta salam dan selawat buat ahli keluarga dan para sahabat Baginda SAW.

Selama 33 tahun rakyat Kelantan *Membangun Bersama Islam* menyaksikan usia yang bertambah matang dalam usaha menyediakan kerangka asas yang sempurna dan menyeluruh yakni menyediakan modal insan yang teguh, mantap serta berdikari. Selari dengan konsep *Ubudiyah, Mas'uliyah* dan *Itqan*, salah satu sumber keberkatan ummah turut dibawa bersama menghayatinya iaitu warga kurang upaya. Jika sebelum ini, kepentingan komuniti orang kurang upaya (OKU) bernaung di bawah Dasar Berkebakikan dan Kesejahteraan Rakyat sehingga lahirnya plan tindakan Gagasan OKU Muqarrabun. Sekarang tibalah masanya masalah mereka dipasak lebih jitu di bawah bumbung Dasar Orang Kurang Upaya Muqarrabun Kelantan (DOKUM).

Dalil-dalil naqli daripada al-Quran dan hadis yang menyinggung secara langsung dan terperinci isu-isu OKU menunjukkan bahawa Allah SWT mengambil berat urusan mereka. Justeru, adalah wajar sekali semua panduan itu dibukukan sebagai dasar khusus berkaitan OKU. Ia salah satu usaha

melengkapkan proses Merakyat Membangun Bersama Islam bersama dasar-dasar lain yang sedia ada. Ia juga membuktikan bahawa Allah SWT memperakui potensi mereka untuk menjadi hamba yang senantiasa berusaha mendekatkan diri kepada-Nya walau dalam keadaan sukar sebagaimana kisah kezaman ‘Amru bin al-Jumuh untuk turut berjihad memburu syahid mengatasi kecacatan fizikal yang ada. Walhal dia telah diberi permit syarak untuk duduk sahaja di rumah dek kakinya yang terlalu tempang.

Selain ‘Amru bin al-Jumuh, ramai lagi sahabat OKU memainkan peranan yang hebat dalam masyarakat sehingga masalah-masalah mereka menjadi *asbab nuzul* kalamullah sebagaimana yang berlaku kepada kes Abdullah ibn Ummi Maktum melalui surah ‘Abasa. Mereka juga termasuk dalam golongan *al-Sabiqun* kerana mendahului orang lain dalam memilih keimanan, keluar berhijrah, berjihad bersama Rasulullah SAW sehingga Allah menempatkan mereka secara saksama sebagai *al-Muqarrabun* melalui ayat 10 dan 11 Surah al-Waqi’ah. Allah SWT langsung tidak melihat dan menilai berdasarkan rupa bentuk yang zahir kelihatan. Atas faktor tersebut, dasar ini menjadikan ciri-ciri *Muqarrabun* sebagai objektif utama bagi pembangunan OKU.

Penggubalan DOKUM ini dibuat bagi menggalakkan keluarga, komuniti, agensi kerajaan dan bukan kerajaan menyediakan sistem sokongan, polisi, pendidikan, insentif, perkhidmatan dan prasarana yang lestari dan mesra OKU dalam usaha menyantuni serta membangunkan komuniti OKU. Semua pihak turut bertanggungjawab membantu serta memotivasikan komuniti OKU untuk beradaptasi dengan persekitaran yang kondusif, selamat dan sejahtera serta meluaskan penyertaan langsung komuniti itu di tengah-tengah masyarakat sama ada sebagai pemberi atau penerima sesuai dengan keadaan diri mereka.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih secara khusus kepada semua penggubal atas komitmen tinggi dalam menyiapkan dasar ini selari kehendak Dasar Membangun Bersama Islam yang merentasi semua golongan, bangsa dan agama. Semoga ia menjadi amal jariah dan diberi ganjaran baik serta diberkati Allah SWT. Tidak lupa saya ingin merakamkan ucapan *Jazakumullahu khoyra* kepada semua yang terlibat dalam proses menyiapkan dasar ini secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFKAT, NEGERI BERKAT
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KELANTAN MENERAJUI
PERUBAHAN #
KEBERKATAN – KEMAKMURAN - KEBAJIKAN

Dengan hormatnya,



DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI

D.J.M.K., J.M.K., (Kelantan)

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,

Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan



**PRAWACANA
PENGARAH
URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN
KELUARGA DAN WANITA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ

عِنْدَ اللَّهِ أَفْقَرُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya : “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

(Surah al-Hujurat 49:13)

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh Ahlul Bayt, sahabat Baginda serta yang menurut mereka kemudiannya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa kesyukuran tidak terhingga kepada Allah SWT atas penerbitan buku Dasar Orang Kurang Upaya Muqarrabun (DOKUM) Kelantan.

Setinggi penghormatan kepada YAB Ustaz Dato’ Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob selaku Menteri Besar Kelantan dan YB Dato’ Hajah Mumtaz Md. Nawī, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan kerana begitu prihatin dalam hal ehwal kebajikan rakyat. Sikap cakna para pimpinan negeri seperti ini akan terus menyemarakkan lagi semangat dan tekad kami untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada seluruh rakyat negeri Serambi Mekah ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua panel penyelidik dan penggubal serta semua pihak yang memberi sokongan, dokongan dan juga pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sehingga terbitnya buku dasar ini.

Selari dengan pelan strategik Merakyat Membangun Bersama Islam melalui dasar yang telah digubal, U-KeKWa mengorak langkah menggerakkan usaha menerangkan dasar-dasar ini kepada setiap lapisan masyarakat dengan mengadakan pelbagai program antaranya induksi dasar, seminar, forum, diskusi dan sebagainya kepada seluruh jabatan, agensi persekutuan dan negeri, penjawat awam serta masyarakat dari semasa ke semasa.

Bermula dengan Gagasan OKU Muqarrabun, pelbagai inisiatif dan program dibangunkan dan akan terus ditambah baik. Banyak lagi inisiatif baru akan dilaksanakan berasaskan potensi dan keupayaan melalui peranan dan fungsi yang tersendiri melibatkan kumpulan sasar yang lebih meluas melalui DOKUM ini kerana agenda pembangunan OKU tidak dapat dijayakan tanpa kesedaran, sokongan dan penglibatan inklusif semua pihak. Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui U-KeKWa dari semasa ke semasa akan sentiasa merancang dan melaksanakan inisiatif untuk menyokong menghasilkan sesuatu program yang lebih berimpak.


Akhir kata, diharapkan dasar ini tidak menjadi dokumentasi semata-mata, tetapi ianya dapat disebarluaskan dan menjadi rujukan semua pihak. Semoga Allah membalas semua sumbangan dengan kebaikan yang berganda serta melimpahkan rahmat dan barakahNya bagi melahirkan masyarakat sejahtera dunia dan akhirat.

Siiru 'Ala Barakatillah

Sekian, terima kasih. Wassalam.

RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KELANTAN MENERAJUI
PERUBAHAN #
KEBERKATAN – KEMAKMURAN - KEBAJIKAN

Dengan hormatnya,



ILVIRA BINTI BINTI MOHD DASUKI

Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

DASAR ORANG KURANG UPAYA MUQARRABUN KELANTAN (DOKUM)

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA : PENDAHULUAN

1. PENGENALAN	1
2. DEFINISI	2
3. RASIONAL	3
4. TEMA	4
5. PERNYATAAN DASAR	4
6. VISI	4
7. MISI	5
8. MATLAMAT	5
9. PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA	6

BAHAGIAN KEDUA : OKU DAN PEWALIAN

10. OBJEKTIF PEWALIAN	14
11. KATEGORI OKU YANG MEMERLUKAN WALI	14
12. SYARAT-SYARAT WALI	14
13. PELANTIKAN WALI DAN TURUTAN KEUTAMAAN	15
14. KEGAGALAN/ KEENGGANAN/ KECUAIAN WALI	15
MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB	

BAHAGIAN KETIGA : ORANG KURANG UPAYA: HAK DAN TANGGUNGJAWAB

15. AGAMA	16
-----------	----

16. KELANGSUNGAN HIDUP	17
17. KELUARGA	17
18. KESIHATAN	18
19. PENDIDIKAN	19
20. KEISTIMEWAAN DAN POTENSI DIRI	20
21. KOMUNIKASI DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI	20
22. MASYARAKAT DAN UMMAH	21
23. KEPIMPINAN	21
24. UNDANG-UNDANG	22
25. KEWANGAN, PEMILIKAN DAN PENGURUSAN ASET	23
26. EKONOMI DAN PEKERJAAN	23
27. SISTEM JAMINAN DAN Keadilan Sosial	24
28. KRISIS, KECEMASAN DAN PENGURUSAN BENCANA	25
29. ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	25
 BAHAGIAN KEEMPAT : HAL- HAL LAIN	
30. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR	27
31. PELAKSANAAN	28
32. FASA PELAKSANAAN	30
33. PINDAAN	30
34. PENUTUP	30
 MAKLUMAT AHLI PENGUBAL DASAR	 32
 MAKLUMAT KUMPULAN PENYELIDIK DASAR	 36
 URUS SETIA	 37
 SEJARAH RINGKAS PENGUBALAN DASAR	 38



DASAR ORANG KURANG UPAYA MUQARRABUN KELANTAN

BAHAGIAN PERTAMA : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Islam memartabatkan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai insan yang dimuliakan oleh Allah SWT.

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan pelbagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan”. (Surah Al-Isra’ 17:70)

- 1.2 Kecacatan atau ketidakupayaan pada manusia tidak menjejaskan kedudukannya kerana Allah SWT hanya menilai manusia pada hati dan amalan; bukannya pada rupa bentuk dan keupayaan.

“Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa bentuk dan harta kalian. Namun, Allah hanya melihat kepada hati dan amal kamu”. (Hadis Muslim: 2564)

- 1.3 Islam mengiktiraf tanggungjawab dan peranan OKU dalam membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan ummah.
- 1.4 Dasar OKU Muqarrabun (DOKUM) digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan neraca, nilai, hala tuju dan objektif strategik, perancangan dan program yang dianjurkan di negeri Kelantan dalam menjaga kepentingan dan pembangunan OKU selaras dengan dasar kerajaan negeri, Membangun Bersama Islam yang berteraskan konsep Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI).
- 1.5 DOKUM menampilkan kesyumulan Islam serta merealisasikannya dalam mencapai kelestarian hidup OKU secara holistik.
- 1.6 DOKUM menjadi asas kesaksamaan (musawah) dan kesamarataan OKU yang komprehensif di negeri Kelantan sejajar dengan kehendak Islam.
- 1.7 DOKUM merupakan dasar bersama yang merentasi agama dan bangsa serta perlu dilaksanakan secara kolektif oleh semua pihak.
- 1.8 DOKUM hendaklah dibaca bersama undang-undang, dasar-dasar dan pelan tindakan berkaitan sosial dan OKU di peringkat persekutuan dan negeri setakat mana tidak bercanggah dengan Islam.

2.0 DEFINISI

2.1 Muqarrabun

Muqarrabun bermaksud golongan yang mendekatkan diri kepada Allah. Dalam konteks dasar ini, Muqarrabun merujuk kepada OKU yang berusaha mendekatkan diri kepada Tuhan Maha Pencipta dengan rasa syukur dan reda. OKU perlu berusaha untuk memenuhi

kriteria Muqarrabun sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran.
(Al-Waqiah 56: 10-11)

2.2 Sejahtera

Sejahtera dalam konteks dasar ini merujuk kepada kebahagiaan dan kesejahteraan yang dicapai di dunia dan di akhirat.

2.3 OKU

Merujuk kepada individu kurang upaya seperti yang dikenal pasti dan diiktiraf menurut undang-undang dan dasar semasa.

2.4 OKU *Mukallaf*

OKU *Mukallaf* merujuk kepada OKU yang memenuhi syarat baligh dan berakal iaitu mempunyai kemampuan memahami sesuatu dan boleh membuat pilihan serta dipertanggungjawabkan dengan kewajiban syarak. Jika salah satu syarat atau kedua-dua syarat mukallaf tidak dipenuhi, maka OKU tersebut dianggap OKU tidak mukallaf.

2.5 Wali

Wali merupakan individu mukallaf (sama ada OKU atau bukan OKU) yang diberi kuasa oleh syarak untuk melaksanakan tanggungjawab pewalian terhadap orang yang berada di bawah jagaannya.

3.0 RASIONAL

Penggubalan DOKUM dibuat untuk mencapai perkara-perkara berikut;

3.1 Memenuhi matlamat Dasar Membangun Bersama Islam.

- 3.2 Menambah baik dan menyokong Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan serta dasar-dasar lain Kerajaan Negeri Kelantan.
- 3.3 Menyediakan garis panduan dalam pembangunan, perlindungan serta hak dan tanggungjawab OKU.
- 3.4 Mewujudkan polisi dan infrastruktur untuk persekitaran kehidupan yang kondusif, selamat dan sejahtera untuk OKU di negeri Kelantan.
- 3.5 Memastikan pihak-pihak berkepentingan mengambil kira pembangunan dan kesejahteraan OKU dalam pelaksanaan semua dasar di negeri Kelantan.

4.0 TEMA

OKU Muqarrabun Pemangkin Kesejahteraan dan Keberkatan Ummah

5.0 PERNYATAAN DASAR

Menyedari ketidakupayaan OKU adalah ujian dan ketentuan yang boleh membawa kebaikan dan keberkatan kepada individu, keluarga, masyarakat dan ummah; maka segala usaha perlu dilakukan oleh semua pihak agar OKU berada dalam keadaan positif serta menikmati kesejahteraan bersama dan hidup penuh kemuliaan.

6.0 VISI

Melahirkan OKU yang sejahtera dan masyarakat yang diberkati.

7.0 MISI

Memupuk kesedaran dan kesediaan OKU, keluarga, dan masyarakat dengan menyediakan bimbingan, sokongan, bantuan, peluang dan infrastruktur serta melindungi hak dan tanggungjawab OKU secara benar, sama rata dan saksama ke arah kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat.

8.0 MATLAMAT

- 8.1 DOKUM bermatlamat untuk membangunkan OKU yang positif, reda, mempunyai keyakinan diri dan bersyukur agar mereka sejahtera dari aspek spiritual, fizikal, emosi dan intelektual.
- 8.2 Objektif utama DOKUM ialah untuk memastikan:
 - 8.2.1 Setiap individu, ahli keluarga, wali, penjaga, komuniti dan pemimpin mengiktiraf hak, tanggungjawab, keupayaan dan keperluan OKU;
 - 8.2.2 Setiap OKU berhak meneruskan kehidupan yang seimbang dan sejahtera dengan diberikan kasih sayang, sokongan, peluang, bantuan, perkhidmatan dan jaminan sosial;
 - 8.2.3 Setiap OKU berhak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; seterusnya diberi pendidikan, rawatan, pemulihan dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat;
 - 8.2.4 Setiap OKU berhak untuk bersuara, dirujuk, dan melibatkan diri dalam masyarakat mengikut tahap keupayaan dan potensi diri;

8.2.5 Penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan, kebajikan dan penyertaan OKU dalam masyarakat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

9.0 PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA

9.1 DOKUM selaras dengan Dasar MBI yang menjadi paksi dalam segala gerak kerja kerajaan negeri untuk OKU berasaskan *Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan* (UMI) yang disebarluaskan ke dalam masyarakat melalui strategi Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

9.2 OKU menikmati prinsip kesamarataan dan kesaksamaan yang diiktiraf oleh Islam. Kayu ukur yang membezakan antara manusia ialah taqwa.

“Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu adalah orang yang paling bertakwa”. (Surah al-Hujurat 49:13)

9.3 DOKUM meyakini Islam sebagai cara hidup dan menghormati kepercayaan, nilai dan norma dalam masyarakat majmuk ke arah kesejahteraan OKU.

9.4 OKU merupakan ciptaan Allah SWT dan Allah SWT mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian mengikut kehendakNya.

Allah mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu, dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih. Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu. (Surah Ar-Ra’d 13:8)

- 9.5 OKU yang sabar dan menerima keadaan dirinya dengan ikhlas akan diberi balasan baik di dunia, ganjaran pahala dan keredaan Allah SWT.

Atha' bin Abi Rabah berkata: Ibn Abbas r.a. telah berkata kepadaku: "Adakah kamu mahu sekiranya aku tunjukkan kepadamu seorang wanita yang menjadi penghuni syurga?" Atha' menjawab: "Sudah tentu aku ingin". Ibn Abbas lalu berkata: "Wanita kulit hitam itu telah datang kepada Nabi SAW. dan berkata: "Sesungguhnya aku sering diserang sawan dan (ketika aku tidak sedarkan diri), auratku sering terdedah. Doakanlah kepada Allah agar aku sembuh. Nabi SAW. bersabda: Sekiranya kamu mahu, kamu bersabarlah dan kamu akan mendapat syurga. Dan jika kamu mahu, aku akan berdoa kepada Allah agar Dia menyembuhkanmu. Lalu wanita itu berkata: Aku (pilih untuk) bersabar. Wanita itu berkata lagi: Sesungguhnya auratku sering terbuka (ketika aku tidak sedarkan diri), maka berdoalah kepada Allah agar auratku tidak terdedah. Maka Nabi berdoa untuknya". (Hadis Imam al-Bukhari : No 5652)

- 9.6 Golongan OKU dan keluarga mereka hendaklah menyesuaikan kehidupan selari dengan keperluan OKU.

Amru ibn al-Jumuh adalah seorang lelaki yang sangat tempang. Dia mempunyai empat orang anak lelaki yang turut berperang bersama Rasulullah SAW apabila Baginda berperang. Tatkala Rasulullah SAW mahu menuju ke medan Uhud, (dia ingin turut serta), lalu anak-anaknya berkata kepadanya: Allah SWT telah memberi kelonggaran kepada kamu, jika kamu ingin duduk maka cukuplah kami yang menggantikan kamu. Sesungguhnya Allah SWT telah mengangkat kewajiban jihad daripada kamu. Kemudian Amr ibn al-Jumuh datang

kepada Rasulullah SAW seraya berkata, “Wahai Rasulullah, anak-anak ini menghalang aku daripada keluar bersamamu. Demi Allah, aku sangat berharap dikurniakan mati syahid, dan ketempanganku ini akan membawa aku ke syurga. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: Adapun kamu, Allah SWT telah mengangkat kewajiban jihad dari kamu. Kemudian Baginda SAW berkata kepada anak-anaknya: "Tidak ada masalah jika kamu membiarkan dia berjihad, mudah-mudahan Allah SWT menganugerahkannya syahid." Maka dia keluar bersama Rasulullah SAW pada peperangan Uhud dan dibunuh sehingga mati syahid. (Hadis Hasan dalam Kitab Sunan al-Bayhaqi al-Kubra: No. 16329)

- 9.7 Islam mengiktiraf keberadaan OKU dalam masyarakat dan segala keperluannya perlu disantuni.

“Dia memasak muka dan berpaling, kerana seorang buta telah datang kepadanya. Dan tahukah kamu (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali dia ingin menyucikan hatinya (dengan pelajaran agama yang dipelajarinya daripadamu)! Atau dia mahu mendapatkan peringatan yang memberikan manfaat kepadanya. Adapun orang yang berasa dirinya serba cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran), Maka kamu (wahai Muhammad) bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal kamu tidak bersalah jika dia tidak menyucikan dirinya (daripada keingkarannya). Dan adapun orang yang bersegera datang kepadamu, Dengan perasaan takut (melanggar perintah-perintah Allah), Maka kamu berlengah-lengah melayaninya. Jangan sekali-kali melakukan sedemikian! Sesungguhnya ayat-ayat Al-Quran itu pengajaran dan peringatan (yang mencukupi)”. (Surah ‘Abasa 80: 1-11)

- 9.8 Islam sangat cakna dan mengutamakan golongan OKU. Mereka merupakan salah satu sumber kebaikan, kekuatan dan keberkatan ummah.

Mus'ab bin Sa'ad berkata bahawa Sa'ad r.a. memandang dirinya memiliki keutamaan di atas yang lainnya (dari para sahabat). Maka Nabi SAW bersabda, "Bukankah kalian diberi pertolongan (dimenangkan) dan rezeki melainkan dengan sebab orang-orang yang lemah di antara kalian?" (Hadis Sahih Bukhari: No.2896)

- 9.9 OKU diberi jaminan keselamatan dan perlindungan dari segala bentuk penghinaan, diskriminasi, eksploitasi, pengabaian, penganiayaan dan kezaliman.

"Hai, orang-orang yang beriman! Janganlah satu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan puak yang lain, boleh jadi yang dicemuh dan direndahkan itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah segolongan wanita memandang rendah golongan lain, mungkin yang dipandang rendah itu lebih baik daripada mereka."
(Surah Al-Hujurat 49: 11)

- 9.10 Islam melarang umatnya memandang rendah dan mempersenda sebarang kekurangan atau kecacatan mana-mana individu.

Satu hari Abdullah Ibn Mas'ud memanjat pokok. Tiba-tiba angin datang dan meniup kainnya sehingga menampakkan betisnya, menyebabkan semua sahabat ketawa kerana melihat betisnya yang kecil. Apabila Rasulullah SAW. melihat para sahabat ketawa, Baginda bertanya: Apa yang menyebabkan kamu semua ketawa? Apakah disebabkan kaki Abdullah bin Mas'ud?" Jawab para sahabat: "Ya, wahai Rasulullah." Jawab Baginda SAW: "Sesungguhnya kaki Abdullah bin Mas'ud di atas mizan (timbangan)

di akhirat kelak lebih berat pahalanya berbanding bukit Uhud.”
(Hadith Hasan direkod dalam Al-Adabul Mufrad: No. 237)

- 9.11 Solat dan doa tulus daripada golongan OKU adalah salah satu faktor pertolongan Allah SWT yang menyumbang kepada kemakmuran masyarakat.

“Allah SWT hanyalah menolong umat ini lantaran adanya orang-orang lemah di antara mereka dengan doa-doa, solat dan keikhlasan mereka”. (Hadis Sahih Al-Nasa’ie: No. 3178)

- 9.12 OKU, individu atau komuniti, merupakan pelengkap kepada sebuah masyarakat yang inklusif dan sejahtera.

“Tidak ada salahnya bagi orang buta, dan tidak ada salahnya bagi orang tempang, dan tidak ada salahnya bagi orang sakit (jika masing-masing tidak menjalankan sesuatu perintah disebabkan keuzurannya menghendaki ia berlaku demikian), dan juga tidak ada salah bagi kamu (termasuk orang-orang yang tersebut turut sama) makan di rumah kamu sendiri, atau di rumah bapa kamu, atau di rumah ibu kamu, atau di rumah saudara kamu yang lelaki, atau di rumah saudara kamu yang perempuan, atau di rumah bapa saudara kamu (sebelah bapa), atau di rumah emak saudara kamu (sebelah bapa), atau di rumah bapa saudara kamu (sebelah ibu), atau di rumah emak saudara kamu (sebelah ibu), atau di rumah yang kamu kuasai kuncinya, atau di rumah sahabat kamu; tidak juga menjadi salah bagi kamu, makan bersama-sama atau berasing-asing. Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat (yang menjelaskan

hukum-hukumNya), supaya kamu memahaminya". (Surah al-Nur 24:61)

- 9.13 Islam mengiktiraf kelemahan dan keterbatasan OKU dengan memberikan pengecualian kepada mereka daripada melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat dalam keadaan tertentu.

Tidaklah sama keadaan orang beriman yang duduk (yang tidak pergi berperang) tanpa keuzuran (halangan) dengan orang yang berjihad (berjuang) di jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta dan jiwanya berbanding dengan orang yang duduk (tidak pergi berperang tanpa keuzuran) dengan kelebihan satu darjat. Dan tiap-tiap satu (daripada kedua-dua golongan itu) Allah menjanjikan (pahala) yang baik (Syurga), dan Allah melebihkan orang yang berjihad berbanding dengan orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tiada sebarang keuzuran) dengan pahala yang amat besar; (Surah An-Nisaa' 4:95)*

**Halangan, menurut majoriti ahli tafsir, adalah termasuk OKU.*

- 9.14 Islam memberikan pengecualian kepada golongan OKU dalam pelaksanaan hak dan tanggungjawab sebagai seorang mukallaf apabila berlaku halangan syarak.

"Telah diangkat pena dari tiga golongan: daripada orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada bayi sehingga dia baligh dan daripada orang gila sehingga dia sedar". (Hadis Abu Daud: No 4403)

- 9.15 Islam memberikan keringanan (*rukhsah*) dengan syarat tertentu mengikut kepelbagaian keadaan OKU.

“Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkanNya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksaNya dengan azab yang tidak terperi sakitnya”. (Surah Al-Fath 48:17)

- 9.16 OKU, lelaki dan perempuan, berperanan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan ummah secara optimum dalam pelbagai bidang ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dalam Sirah, terdapat kisah beberapa orang sahabat Rasulullah SAW yang kurang upaya diberikan peranan penting, antaranya:

- *Abdullah ibn Mas'ud yang cacat kakinya berperanan sebagai perawi hadis yang paling memahami al-Quran. Hadis Sahih Bukhari: 3758*
- *Rasulullah SAW pernah melantik Abdullah Ibn Ummi Maktum, sahabat yang buta sebagai muazzin (tukang azan), imam dan pemimpin masyarakat di Madinah. Hadis Hasan dalam Kitab Al-Talkhis al-Habir: Juzu' 2/535*
- *Rasulullah SAW mengizinkan Amru bin al-Jumuh, sahabat yang tempang kakinya menyertai peperangan sehingga syahid di medan Uhud. Hadis Hasan dalam Kitab Sahih Ibn Hibban: No 7024*

- 9.17 Keluarga, pihak kerajaan dan swasta, NGO dan seluruh masyarakat bertanggungjawab mewujudkan dan melaksanakan sistem sokongan

yang menyeluruh kepada OKU untuk membolehkan dan memudahkan mereka menikmati hak dan menunaikan tanggungjawab.

Tidaklah daripada diri anak Adam itu melainkan dituntut keatasnya sedekah setiap hari terbitnya matahari. Dikatakan: Wahai Rasulullah, dan dari mana kami mendapat sedekah (harta) untuk bersedekah? Baginda bersabda: “Sesungguhnya pintu-pintu kebaikan itu banyak seperti tasbih, tahmid, takbir, tahlil, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah daripada yang mungkar, menghilangkan kemudaratan dari jalan, membantu orang tuli mendengar, memimpin orang buta, memberi petunjuk kepada orang memohon petunjuk, bersegera berjalan dengan kekuatan kakimu untuk memenuhi permintaan orang yang meminta pertolongan dan membawa kekuatan tanganmu untuk membantu orang yang lemah, semua ini adalah sedekah darimu yang dituntut ke atas dirimu sendiri. (Sahih Ibn Hibban: 3377)

BAHAGIAN KEDUA : OKU DAN PEWALIAN

10.0 OBJEKTIF PEWALIAN

Objektif perwalian bagi OKU adalah untuk memelihara dan menjaga kepentingan, kebajikan, dan keabsahan sebarang urusan yang melibatkan OKU selari dengan maqasid syariah.

11.0 KATEGORI PEWALIAN

Terdapat tiga kategori pewalian bagi OKU, sama ada:

- 11.1 OKU lelaki mukallaf (boleh bertindak dan dilantik sebagai wali);
- 11.2 OKU lelaki yang tidak mukallaf termasuk kanak-kanak (tidak boleh menjadi wali dan memerlukan pelantikan wali bagi mewakili dirinya);
- 11.3 OKU perempuan

12.0 SYARAT-SYARAT WALI

Seseorang layak menjadi wali kepada OKU apabila dia mempunyai kesemua ciri berikut:

- a. beragama Islam;
- b. lelaki;
- c. baligh;
- d. berakal;
- e. tidak fasiq;

13.0 PELANTIKAN WALI DAN TURUTAN KEUTAMAAN

Dasar ini akan memperuntukkan satu klausa bagi pelantikan wali yang sah bagi seseorang OKU yang akan ditentukan oleh mahkamah.

Turutan keutamaan wali adalah seperti yang ditentukan oleh hukum syarak.

14.0 KEGAGALAN/ KEENGGANAN/ KECUAIAN WALI MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB

Mana-mana wali yang gagal atau cuai atau enggan menjalankan tanggungjawab boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri.

BAHAGIAN KETIGA :

ORANG KURANG UPAYA: HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Pelaksanaan hak dan tanggungjawab yang terkandung dalam dasar ini mestilah selari dengan keupayaan, peranan dan keperluan OKU menurut undang-undang dan hukum syarak. Ibu bapa, penjaga, ahli keluarga dan semua pihak yang berkepentingan perlu dididik, dibimbing dan dibantu untuk membolehkan mereka memberdaya OKU ke arah menunaikan hak dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan di bawah.

15.0 AGAMA

- 15.1 Setiap OKU Muslim hendaklah berpegang dengan akidah Ahli *Sunnah Wal Jamaah*.
- 15.2 OKU Muslim berhak dan bertanggungjawab mempelajari ilmu fardu ain dan fardu kifayah menurut tahap masing-masing.
- 15.3 OKU Muslim berhak dan bertanggungjawab melibatkan diri dalam memakmurkan institusi Islam termasuk masjid.
- 15.4 Institusi Pentadbiran Islam bertanggungjawab untuk merealisasikan hak, ruang dan peluang OKU dalam menunaikan tuntutan syarak.
- 15.5 OKU berhak dan bertanggungjawab menyempurnakan tuntutan agama dan menjalani kehidupan beragama.

- 15.6 OKU berhak mendapat kemudahan yang mesra OKU daripada institusi agama.

16.0 KELANGSUNGAN HIDUP

- 16.1 OKU berhak untuk hidup dan menikmati kehidupan bermaruah serta diberi ruang dan peluang untuk meningkatkan kualiti kehidupan.
- 16.2 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk suatu kehidupan dan persekitaran yang selesa dan sejahtera.
- 16.3 OKU bertanggungjawab untuk mengelakkan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mencederakan serta mengancam nyawa dan jiwa.
- 16.4 OKU berhak untuk hidup dalam sistem sokongan yang sesuai dan mencukupi.
- 16.5 OKU berhak untuk mendapat layanan yang adil dan saksama tanpa mengira agama, jantina, keturunan, etnik dan kecacatan.
- 16.6 OKU berhak mendapat intervensi awal dan terapi yang bersesuaian berdasarkan tahap keperluan dan keupayaan bagi memastikan kelangsungan hidup yang lebih baik.

17.0 KELUARGA

- 17.1 Ibu bapa, penjaga, pasangan dan ahli keluarga hendaklah memahami dan menghormati dengan menerima sifat dan hakikat ahli keluarganya sebagai OKU dengan reda, sabar dan syukur.

- 17.2 OKU berhak untuk hidup bahagia, tenang dan penuh kasih sayang dan mendapat jagaan yang baik serta layanan yang bertimbang rasa daripada ahli keluarga sepanjang masa.
- 17.3 OKU berhak untuk hidup berkeluarga, mengembangkan zuriat serta bertanggungjawab menyambung silaturrahim sesuai dengan keupayaan dan kemampuannya.
- 17.4 OKU berhak dan bertanggungjawab ke atas ibu bapa, pasangan dan ahli keluarga dan wajib menunaikan segala haknya.
- 17.5 Ibubapa, penjaga, pasangan dan ahli keluarga OKU berhak mendapat bantuan dan sokongan dalam hal ehwal OKU mengikut keperluan dan kesesuaian.

18.0 KESIHATAN

- 18.1 OKU berhak dan bertanggungjawab menikmati hidup secara sihat dan afiat yang boleh dicapai secara optimum.
- 18.2 OKU berhak dan bertanggungjawab mendapat pendidikan dan rawatan kesihatan yang komprehensif.
- 18.3 OKU berhak mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dari semua aspek yang diperlukan.
- 18.4 OKU berhak dan bertanggungjawab mendapat maklumat mengenai tahap kesihatan mereka dan membuat keputusan yang berkaitan.
- 18.5 OKU berhak dan bertanggungjawab mendapat jagaan kesihatan dan pemulihan yang berterusan.

- 18.6 OKU berhak mendapatkan perkhidmatan dan ekosistem kehidupan yang mesra OKU.
- 18.7 Ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga OKU dan kerajaan bertanggungjawab melaksanakan intervensi kesihatan dan langkah pemulihan ke atas OKU yang memerlukan.

19.0 PENDIDIKAN

- 19.1 OKU bertanggungjawab menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber ilmu dan sumber rujukan untuk pendidikan.
- 19.2 OKU berhak dan bertanggungjawab menimba segala jenis ilmu pengetahuan dan kemahiran, secara teori dan amali, sesuai dengan tuntutan semasa, menurut keupayaan dan keperluan.
- 19.3 OKU bertanggungjawab mengutamakan pendidikan kerohanian dan moral serta memperelokkan ibadah dan muamalah.
- 19.4 OKU berhak mendapat akses kepada peralatan, pengangkutan dan teknologi untuk mendapat perkhidmatan pendidikan yang optimum dan pembelajaran sepanjang hayat.
- 19.5 OKU berhak mendapat pendidikan dan pengiktirafan sama ada secara formal atau tidak formal daripada mana-mana institusi sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan.
- 19.6 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat, idea dan perkembangan semasa melalui pelbagai saluran.

20.0 KEISTIMEWAAN DAN POTENSI DIRI

- 20.1 OKU berhak dan bertanggungjawab mengenalpasti keistimewaan, potensi diri, minat dan bakat serta dikembangkan dengan memanfaatkan semua peluang yang ada bagi menjalani kehidupan yang sihat, positif, aktif dan produktif.
- 20.2 Keluarga, wali, penjaga dan pihak berkuasa perlu menyediakan infrastruktur yang sesuai untuk membolehkan OKU mengembangkan keistimewaan dan potensi diri.
- 20.3 Semua pihak perlu memberi galakan, sistem sokongan dan pengiktirafan sewajarnya dalam semua lapangan yang disertai oleh OKU dan menyediakan platform serta peluang yang sesuai untuk mereka mengembangkannya.

21.0 KOMUNIKASI DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

- 21.1 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk mendapat kesedaran, ilmu, kemahiran dan maklumat yang betul untuk menguasai teknologi semasa dan komunikasi secara beretika dan beramanah.
- 21.2 OKU berhak dan bertanggungjawab menguasai dan memanfaatkan teknologi semasa dan komunikasi untuk pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan ummah.
- 21.3 OKU berhak kepada penggunaan teknologi semasa dan komunikasi bersesuaian dengan keperluan dan keupayaannya.
- 21.4 Semua pihak bertanggungjawab menyediakan insentif dan akses kepada teknologi dan komunikasi semasa yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan OKU.

22.0 MASYARAKAT DAN UMMAH

- 22.1 OKU berhak dan bertanggungjawab membina visi dan misi termasuklah memartabatkan komuniti OKU dan membangunkan ummah.
- 22.2 OKU berhak dan bertanggungjawab sebagai juru bicara ummah dan memperkasa dakwah.
- 22.3 OKU berhak dan bertanggungjawab memelihara dan menghormati hubungan dan membina jaringan dengan jiran, komuniti dan masyarakat sejagat secara harmoni, terancang dan sistematik.
- 22.4 OKU berhak dan bertanggungjawab menyertai, melibatkan diri, dan menyumbang dalam organisasi dan pertubuhan kepada masyarakat.
- 22.5 Semua pihak perlu mengiktiraf keberadaan, keperluan dan kepentingan OKU dalam masyarakat dan ummah serta melibatkan mereka secara inklusif.

23.0 KEPIMPINAN

- 23.1 Semua pihak hendaklah mengiktiraf kepimpinan OKU dalam masyarakat.
- 23.2 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk melibatkan diri dalam kepimpinan dan politik mengikut keperluan, kemampuan dan keupayaan mereka.
- 23.3 OKU berhak dan bertanggungjawab melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan pelaksanaannya.

- 23.4 Semua pihak hendaklah memberikan peluang, latihan dan bimbingan dalam pembinaan pasukan kepimpinan OKU dan pelapis yang berkualiti.
- 23.5 Semua pihak hendaklah menyokong pembentukan sistem sokongan kepimpinan OKU yang berterusan di semua peringkat.

24.0 UNDANG-UNDANG

- 24.1 OKU berhak dilindungi sepenuhnya oleh undang-undang dan polisi serta bertanggungjawab mematuhi undang-undang dan peraturan.
- 24.2 OKU bertanggungjawab memahami kaedah dan proses untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab menggunakan saluran yang betul.
- 24.3 OKU berhak mendapat akses kepada perkhidmatan perundangan, guaman dan sistem keadilan yang mesra OKU.
- 24.4 OKU berhak dilindungi daripada sebarang ancaman, kemudaratan, gangguan, penyelewengan, keganasan, kecederaan, penderaan, pengabaian, perlakuan cuai, penganiayaan (fizikal, mental dan seksual), eksploitasi (ekonomi, kesihatan, agama, media), penyalahgunaan dadah dan terorisme.
- 24.5 OKU yang berkonflik dengan undang-undang berhak dilindungi oleh wali dan pihak berkuasa.

25.0 KEWANGAN, PEMILIKAN DAN PENGURUSAN ASET

- 25.1 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk mencari, memiliki, menerima, memberi, mengurus dan mewariskan kewangan dan aset.
- 25.2 OKU mukallaf berhak dan bertanggungjawab menunaikan semua kewajipan dan tuntutan berkaitan dengan kewangan dan aset yang dimilikinya secara berhemah, tanpa pengaruh yang tidak wajar daripada mana-mana pihak.
- 25.3 Bagi OKU yang tidak mukallaf, wali atau penjaga bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan hidup dan nafkah OKU yang di bawah jagaannya secara adil berdasarkan keutamaan, kemampuan dan keupayaannya.
- 25.4 OKU mukallaf atau wali kepada OKU yang tidak mukallaf bertanggungjawab untuk merancang dan mengurus aset dan hartanya mengikut instrumen kewangan secara sah.
- 25.5 Bagi OKU yang tidak berkemampuan, mereka berhak untuk memohon dan mendapatkan nafkah dan bantuan daripada pihak yang bertanggungjawab.
- 25.6 Kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab hendaklah menyediakan peruntukan kewangan dan bantuan yang sewajarnya bagi membantu OKU yang tidak berkemampuan.

26.0 EKONOMI DAN PEKERJAAN

- 26.1 OKU adalah sebahagian daripada penggerak, dan penyumbang kepada ekonomi keluarga, negeri dan negara.

- 26.2 OKU berhak dan bertanggungjawab mencipta atau mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan yang sesuai dengan keperluan, tahap kemampuan, keupayaan, kelayakan dan kesihatan mereka serta diberikan perlindungan, ganjaran dan layanan yang sewajarnya.
- 26.3 Semua pihak perlu menyediakan kemudahan dan persekitaran yang mesra OKU di tempat kerja.
- 26.4 Semua pihak perlu menambah baik dan terlibat dalam menyediakan silibus, sistem dan institusi latihan pekerjaan serta sokongan kepada OKU.
- 26.5 Kerajaan perlu menyediakan inisiatif dan insentif yang bersesuaian kepada majikan dan industri ke arah penglibatan OKU yang inklusif dalam ekonomi.
- 26.6 OKU berhak dan bertanggungjawab sebagai pengguna yang efektif dan dilindungi dalam kitaran ekonomi negeri dan negara.

27.0 SISTEM JAMINAN DAN KEADILAN SOSIAL

- 27.1 OKU bertanggungjawab memainkan peranan sebagai sebahagian daripada sistem jaminan dan keadilan sosial sama ada sebagai penerima, pemberi dan pembawa keberkatan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.
- 27.2 Sistem jaminan dan keadilan sosial dan sokongan kepada OKU hendaklah mengambil kira kepentingan, keupayaan, kemampuan, keperluan dan kebajikan mereka (individu dan berkelompok).
- 27.3 OKU berhak dilindungi oleh sistem kekeluargaan dan pewalian bagi memastikan kemaslahatan dan keperluan hidup mereka

terpelihara dalam lingkungan sosial, keluarga, masyarakat dan negeri.

- 27.4 OKU berhak untuk hidup dalam lingkungan masyarakat yang berkeadilan, cakna dan ihsan terhadapnya.

28.0 KRISIS, KECEMASAN DAN PENGURUSAN BENCANA

- 28.1 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk hidup dalam persekitaran fizikal yang selamat dan sejahtera.
- 28.2 OKU, keluarga dan masyarakat hendaklah peka dan bersiap siaga untuk menangani krisis, wabak, kecemasan dan bencana alam.
- 28.3 Pihak berkuasa perlu menyediakan prasarana dan sistem pengurusan krisis, wabak, kecemasan dan bencana khusus untuk OKU.
- 28.4 Pihak berkuasa perlu memberi kefahaman, maklumat dan pendidikan khas kepada OKU mengenai kaedah dan pengurusan krisis, wabak, kecemasan dan bencana.

29.0 ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

- 29.1 OKU berhak dan bertanggungjawab untuk hidup dalam alam sekitar yang lestari.
- 29.2 OKU hendaklah peka dan bersedia menangani kesan perubahan iklim dan geografi termasuk bencana alam.
- 29.3 OKU bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan, memelihara dan memulihara kelestarian alam sekitar.

- 29.4 OKU bertanggungjawab mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan diri dan keluarga daripada mencemarkan alam sekitar.
- 29.5 Pihak berkuasa perlu memberi kefahaman dan pendidikan kepada OKU mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta perubahan iklim.

BAHAGIAN KEEMPAT :

HAL-HAL LAIN

30.0 STRATEGI PELAKSANAAN DASAR

Bagi memastikan DOKUM dapat dilaksana dengan baik, strategi berikut digariskan bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan serta menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan dan tindakannya.

30.1 Kesedaran

30.1.1 Membangkitkan kesedaran dan keprihatinan semua pihak mengenai ilmu, isu dan kesejahteraan OKU.

30.1.2 Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan akhlak dan adab terhadap OKU serta cara bermuamalah dengan mereka.

30.1.3 Meningkatkan tahap kesedaran orang ramai dalam menyantuni OKU.

30.2 Kefahaman

30.2.1 Meningkatkan kefahaman ahli keluarga dan pelbagai agensi tentang peranan, hak dan tanggungjawab dalam membangun dan menjaga keperluan serta kebajikan OKU.

30.2.2 Memantapkan kefahaman OKU tentang hakikat dan peranan OKU dalam menjalani kehidupan yang berkualiti.

30.3 Pembinaan

30.3.1 Mewujudkan pelbagai polisi, ruang, peluang, kemudahan, perkhidmatan, bimbingan, sokongan dan ekosistem untuk meningkatkan kualiti hidup OKU.

30.4 Penghayatan

30.4.1 Membina sistem jaringan anggota masyarakat untuk berfungsi sebagai pasukan yang saling menyokong dan bertanggungjawab untuk menyantuni OKU.

30.4.2 Memantapkan pembangunan diri setiap OKU agar mereka terlibat secara aktif dan berkualiti.

30.5 Penilaian

30.5.1 Menilai dan menyemak semua polisi kerajaan dan kemudahan yang sedia ada agar bertepatan dengan usaha untuk kesejahteraan OKU.

30.5.2 Memantau pelaksanaan dan keberkesanan program, modul dan latihan supaya selaras dengan matlamat dan objektif DOKUM.

30.6 Penambahbaikan

30.6.1 Mengadakan pemulihan serta penambahbaikan program bagi menjayakan DOKUM.

31.0 PELAKSANAAN

31.1 Dasar OKU Muqarrabun Kelantan (DOKUM) dilaksanakan secara berfasa mengikut pelan tindakan.

- 31.2 Kerajaan negeri dengan sokongan komuniti, pelbagai agensi dan NGO, bertanggungjawab merancang, menentukan dan menyusun keutamaan dan keperluan negeri dan ummah dalam membangunkan dan membina pelan tindakan.
- 31.3 DOKUM memberi tumpuan kepada advokasi, kepimpinan, infrastruktur, perlindungan, kesihatan, pendidikan, pembangunan, pemulihan, sokongan, pekerjaan, integrasi dalam masyarakat, penyertaan penuh dan kebajikan OKU daripada pelbagai latar belakang kehidupan untuk menikmati kehidupan sejahtera dan menyumbang kepada masyarakat dan ummah.
- 31.4 DOKUM hendaklah dilaksanakan mengikut skop-skop berikut:
- | | |
|--------------------------------------|--|
| a) Agama | l) Jaringan |
| b) Keluarga | m) Alam Sekitar dan Perubahan Iklim |
| c) Keperluan Asasi dan Infrastruktur | n) Kemahiran |
| d) Keselamatan | o) Sukan dan Rekreasi |
| e) Kesihatan | p) Kesenian dan Kebudayaan |
| f) Hak dan Undang-undang | q) ICT (Teknologi maklumat dan komunikasi) |
| g) Sistem Sokongan dan Peralatan | r) Ekonomi dan Kewangan |
| h) Pendidikan | s) Aset dan Harta |
| i) Politik dan Kepimpinan | t) Pekerjaan |
| j) Kesukarelawanan | |
| k) Masyarakat | |

32.0 FASA PELAKSANAAN

32.1 Fasa pelaksanaan ini akan menjadi rujukan kepada pasukan pengurusan dan pasukan pelaksanaan. Antara tujuan pembentukan fasa pelaksanaan ini adalah sebagaimana berikut;

32.1.1 Bagi memastikan dasar ini dapat diimplementasikan secara bertahap dan berkesan mengikut perkembangan semasa setiap fasa.

32.1.2 Sebagai panduan untuk penilaian semula dan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

32.1.3 Memudahkan penerusan gerak kerja kepada pasukan pengurusan dan pelaksanaan tanpa ada pengulangan gerak kerja.

33.0 PINDAAN

Sebarang pindaan yang dibuat ke atas teks Dasar OKU Muqarrabun Kelantan perlulah dipersetujui di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

34.0 PENUTUP

34.1 Islam telah menetapkan satu panduan tatacara hidup bermuamalah yang menyeluruh, mencakupi kesemua tahap kehidupan. Tatacara hidup bermuamalah yang selaras dengan tuntutan fitrah naluri kehidupan ini diterjemahkan dalam bentuk dasar yang akan menjadi panduan kepada semua pihak bagi membina masyarakat yang harmoni dan saling hormat menghormati.

34.2 DOKUM merupakan dasar yang memfokuskan perhatian kepada aspek kesejahteraan dan pembangunan OKU serta memberi

halatuju kepada program dan perkhidmatan yang mesra OKU bagi membangun masyarakat yang cakna dan prihatin.

- 34.3 Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak sangat mempengaruhi kejayaan dasar ini.

MAKLUMAT AHLI PENGGUBAL DASAR

- 1. YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (D.J.M.K, J.M.K, (Kelantan)**
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
- 2. YB Rohani binti Ibrahim**
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
- 3. YB Dato' Hj Hassan bin Mohamood**
Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC)
- 4. YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff**
Ahli Parlimen Rantau Panjang
- 5. YB Ustaz Ahmad Fadhli bin Shaari**
Ahli Parlimen Pasir Mas
- 6. YB Senator Dr Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff**
Ahli Dewan Negara
- 7. YABrs. Tuan Haji Zulkifle bin Ab Rahman**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)
- 8. YABrs. Prof. Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat**
Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) Dato' Bentara Setia
- 9. YABrs. Puan Ilvira binti Mohd Dasuki**
Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
- 10. YABrs. Tuan Said bin Sidup**
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKM)
- 11. YABrs. Dr. Wan Nik bin Wan Yusof**
Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS)
- 12. YABrs. En Jamaluddin bin Ishak**
Pengarah Majlis Penghulu Negeri Kelantan
- 13. YABrs. Ustaz Zulqarnain bin Hassan**
Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali

- 14. YBhg. Prof Dr. Zabidi Azhar bin Mohd Hussin**
Naib Canselor Universiti Cyberjaya
- 15. YBrs. Puan Masleza binti Muhammad**
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Sosial)
Unit Perancang Ekonomi Negeri
- 16. YBrs. Puan Mas Rozita binti Mas Mohamad**
Timbalan Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita
- 17. YBrs. Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Saat bin Ismail**
Pengerusi Pertubuhan Cakna OKU Kelantan
- 18. YBrs. Dr. Ruziah binti Ghazali**
Ketua Cawangan Komunikasi Penghakupayaan OKU (CKPOKU)
Jabatan Penerangan Malaysia
- 19. YBrs. En. Mohd Hafiz bin Halim**
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Psikologi dan Kaunseling
Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia
- 20. YBrs. Dr. Haji Norakyairee bin Mohd Raus**
Pensyarah Kanan/ Ketua Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum
(UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia
- 21. YBrs. Ustaz Saibon bin Ismail**
Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai
- 22. YBrs. Siti Nor Ain Atikah binti Hamzah**
Pegawai Bidang Khusus, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
- 23. YBhg. Dr. Nurhafilah binti Musa**
Pensyarah Fakulti Undang-Undang, UKM
- 24. YBhg. Ustazah Asmak binti Husin**
Ahli Jawatankuasa Pusat, Persatuan Ulama' Malaysia
- 25. YBhg. Dr. Hasnah binti Toran**
Pensyarah Fakulti Pendidikan, UKM

- 26. YBrs. Dr. Rosni binti Adam**
Pegawai Perubatan Pergigian
- 27. YBrs. Dr. Fatimah binti Abdullah**
Ahli Sosiologi Keluarga
- 28. YBrs. Dr. Mohd Zulkifli bin Abdul Rahim**
Ketua Unit Transformasi OKU, Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM
- 29. YBhg. Dr. Norsyamliana binti Che Abdul Rahim**
Pensyarah Kanan, Jabatan Kesejahteraan UMK
- 30. YBhg. Dr. Ilyani binti Mohamed Nawawi**
Pegawai Perubatan HRPZII
- 31. YBhg. En. Mohammad Faizal bin Che Yusof**
YDP Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)
- 32. YBrs. Wan Noriah binti Wan Ramli**
Pengurus Min House Camp
- 33. YBrs. En. Wan Zakaria bin Wan Abu Bakar**
Pengasas Bizara School
- 34. YBhg. Puan Mazidah binti Mohammad**
Pasukan Penggubal Dasar Kerajaan Negeri Kelantan
- 35. YBhg. Puan Wan Nor Ainon binti Wan Abdullah**
Pasukan Penggubal Dasar Kerajaan Negeri Kelantan
- 36. YM Tuan Azura Raja Ismail**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Kebajikan (UPJ)
U-KeKWa
- 37. YBrs. Puan Nur Syazwani Abdullah**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Keluarga (UPK)
U-KeKWa

38. YBrS. Puan Nur Adyani Mohamed

Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Wanita (UPW)
U-KeKWa

39. YBrS Puan Bazilah Kamaruldin

Penolong Pengarah Kanan
Unit Kemahiran Wanita (UKW)
U-KeKWa

40. YBrS. Puan Nik Safilah Mat Daud

Penolong Pengarah Kanan
Unit Komunikasi Korporat
U-KeKWa

MAKLUMAT AHLI KUMPULAN PENYELIDIK

Ketua: YBhg. Dr. Nurhafilah binti Musa

Pensyarah Fakulti Undang-Undang (UKM)

Ahli : YBhg. Ustazah Asmak binti Husin

Ahli Jawatankuasa Pusat, Persatuan Ulama' Malaysia

YBhg. Dr. Ilyani binti Mohamed Nawawi

Pegawai Perubatan HRPZ

YBhg. Puan Mazidah binti Muhammad

Pasukan Penggubal Dasar Kerajaan Negeri Kelantan

YBhg. En. Mohammad Faizal bin Che Yusof

YDP Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

YBhg. Dr. Norsyamlina binti Che Abdul Rahim

Pensyarah Kanan, Jabatan Kesejahteraan UMK

YBhg. Puan Wan Nor Ainon binti Wan Abdullah

Pasukan Penggubal Dasar Kerajaan Negeri Kelantan

URUS SETIA

1. Puan Tuan Azura binti Raja Ismail

Penolong Pengarah Kanan

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

2. Puan Nik Nurul Atikah binti Nik Mahmud

Penolong Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

3. Puan Shahidah Salwa binti Hassan

Pembantu Tadbir

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

SEJARAH RINGKAS PENGUBALAN DASAR ORANG KURANG UPAYA MUQARRABUN KELANTAN

Siri-siri perbincangan DOKUM oleh panel penggubal seperti berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan**
 - 15 Ramadhan 1444H/ 06 April 2023- Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim

- ii. Mesyuarat Kumpulan Penyelidik**
 - 17 Syawal 1444H/ 08 Mei 2023- Bilik Mesyuarat Exco, Aras 7 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim
 - 18 Syawal 1444H/ 09 Mei 2023- Bilik Perbincangan, Aras 7 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim
 - 25 Syawal 1444H/ 16 Mei 2023- Bilik Perbincangan, Aras 7 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim
 - 11 Zulkaedah 1444H/ 31 Mei 2023- Bilik Perbincangan, Aras 7 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim
 - 16 Zulkaedah 1444H/ 05 Jun 2023- Atas talian (Zoom Meeting)
 - 25 Zulkaedah 1444H/ 13 Jun 2023 – Atas talian (Zoom Meeting)

- iii. Mesyuarat Penggubalan Dasar OKU Muqarrabun Kelantan**
 - 19 Syawal 1444H/ 10 Mei 2023- Bilik Gerakan, Aras 1 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim
 - 25 Syawal 1444H/ 16 Mei 2023- Bilik Gerakan, Aras 1 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim
 - 22 Zulkaedah 1444H/ 11 Jun 2023- Atas talian (Zoom Meeting)

- iv. Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan**
 - 25 Zulkaedah 1444H/ 14 Jun 2023



NOTA

NOTA



URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Tel: 09-748 1957@09-747 6568 Faks: 09-747 6530

✉ ukekwa@kelantan.gov.my [ukekwa](#) [u_kekwa](#) wanitakelantan.com

TALIAN HOTLINE

Kebajikan/ Bencana 019-988 2999
Kaunseling 013-983 5912
Kelas Jahitan & Sulaman 013-984 5917
Daftar Sukarelawan 013-984 6913
Majlis Perundingan Wanita 011-3310 2454
Taska Keluarga Mawaddah 013-983 6915